

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

YB AHMAD JOHNNIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah impak pandemik COVID-19 ke atas industri pelancongan negara khususnya di negeri Sarawak dari segi jumlah pelancong, hotel, agensi pelancongan, pengangkutan serta industri yang berkaitan pelancongan dan apakah langkah-langkah untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif yang sangat besar kepada industri pelancongan di seluruh dunia. Bagi Malaysia, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang telah dirancang terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu.

2. Susulan pandemik ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganggarkan kerugian melebihi RM100 bilion bagi industri pelancongan pada tahun 2020 akibat kehilangan perbelanjaan pelancong terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman. Pelaksanaan perintah kawalan di beberapa

NO. SOALAN : 21

lokasi berikutan gelombang ketiga penularan COVID-19 yang melanda negara ketika ini juga boleh memberi kesan yang lebih buruk.

3. Bagi negeri Sarawak khususnya, jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini telah mencatatkan penurunan melebihi 90% iaitu seramai 1,155,754 orang kedatangan pelancong bagi tempoh Januari hingga September 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019 iaitu 3,366,922 orang pelancong.

4. Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi (PRE) seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA bagi membantu penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan. Antara inisiatif yang boleh membantu sektor pelancongan tempatan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA atau PTF untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Perusahaan Mikro sektor pelancongan. Pejabat MOTAC Negeri di seluruh negara telah dan terus mengadakan sesi libat urus dengan penggiat industri untuk menghebahkan peluang pembiayaan ini. Sesi-sesi tersebut turut dijadikan platform untuk mendapatkan maklum balas daripada pengusaha terlibat yang berkenaan impak penularan pandemik COVID-19 kepada pemain industri pelancongan tempatan dan cadangan-cadangan penyelesaiannya;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) lanjutan Program Subsidi Upah (PSU);

NO. SOALAN : 21

- (v) inisiatif bantuan PKS seperti Skim Pembiayaan PKS PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vi) potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan; dan
- (vii) lanjutan penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar.

5. Pada masa yang sama, MOTAC giat meneliti pelbagai cara kreatif untuk membantu industri pelancongan negara bangkit semula. Cadangan-cadangan seperti bantuan bersasar dalam bentuk rebat/diskaun atau subsidi pakej pelancongan melalui platform dalam talian, serta kerjasama dengan persatuan pelancongan tempatan, taman tema, persatuan Homestay dan membeli belah bagi menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada rakyat diteliti dan diperhalusi pelan pelaksanaannya apabila tiba masa yang sesuai.

6. Di samping itu, MOTAC komited untuk terus melaksanakan inisiatif-inisiatif sedia ada khusus oleh Kementerian seperti:

- (i) menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan *Malaysian Tourist Guide Council* (MTGC). Sehingga 31 Oktober 2020, seramai 168 orang pemandu pelancong di Sarawak telah mengikuti kursus tersebut;
- (ii) pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong sehingga 31 Disember 2020;
- (iii) pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang layak;

NO. SOALAN : 21

- (iv) pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;
- (v) membangun dan menyediakan platform e-Kraf Bazaar dan *GoGallery* untuk pengusaha seni dan kraf menjalankan aktiviti promosi dan jualan produk secara dalam talian. Sehingga 30 September 2020, platform ini telah memanfaatkan lebih 100 orang pengusaha seni dan kraf tempatan negeri Sarawak dengan nilai jualan melebihi RM570,000;
- (vi) pelancaran *mobile apps CraftOnTheGo* pada 1 April 2020 untuk meningkatkan kebolehcapaian maklumat mengenai usahawan kraf di seluruh Malaysia;
- (vii) pelancaran platform *MyCraftShope* dalam bentuk *e-marketplace* bermula April 2020 untuk memasarkan produk kraf dan perkhidmatan secara atas talian; dan
- (viii) pelancaran Kempen "*Meet In Malaysia*" pada 24 Julai 2020 bagi menggalakkan penganjuran MICE secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak di Malaysia.

7. Khusus untuk penggiat kebudayaan di negeri Sarawak, MOTAC telah menyalurkan dana kepada 17 Badan Bukan Kerajaan (BBK) Kebudayaan di Sarawak dalam tempoh 1 Januari 2020 sehingga 15 Oktober 2020. Bantuan kewangan ini dapat membantu BBK dalam pentadbiran dan penganjuran program yang mematuhi SOP semasa.

8. Susulan pembukaan semula ekonomi bermula 10 Jun 2020, MOTAC juga telah mengambil beberapa langkah untuk terus merencanakan semula pelancongan domestik dan pada masa yang sama membudayakan pematuhan kepada operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan. Antara program yang telah dilaksanakan termasuklah:

NO. SOALAN : 21

- (i) “Siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik” bagi menggalakkan pelancongan dalam negara yang telah dilancarkan pada 13 Jun 2020 oleh Kementerian ini di seluruh negara. Setakat ini, siri promosi ini telah diadakan di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak, Kuala Lumpur, Perlis dan Kedah. Siri promosi yang melibatkan pendedahan kepada produk-produk pelancongan baru serta produk warisan seni dan kebudayaan negara ini akan diteruskan secara berperingkat apabila keadaan mengizinkan;
- (ii) Pelancaran “Pakej Istimewa Cuti-Cuti Malaysia Bagi Penjawat Awam” pada 3 September 2020; dan
- (iii) “Siri Jelajah Kempen Pembudayaan Norma Baharu” yang dijalankan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memberi pendedahan kepada penggiat industri pelancongan terhadap norma-norma baharu yang perlu diamalkan.

Sekian, terima kasih.